

Kerdil bukan penghalang bergelar usahawan

KUALA TERENGGANU - Saiz tubuh badan yang kerdil akibat masalah pertumbuhan tulang belakang bukanlah penghalang buat Shaidatul Radzini Shafie, 30, mengedar cicitanya bergelar usahawan.

Dia adalah antara 114 bekas peserta Tunas Usahawan Belaya Bumiputera (TUBE) anjuran SME Corporation Malaysia (SME Corp) bagi zon Pantai Timur tahun lalu.

Pelajar lulusan Diploma Perakaunan, Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) ini memulakan perniagaan cendawan tiram sebaik sahaja mendapat geran sebanyak RM15,000 daripada SME Corp, Disember tahun lalu.

"Sepanjang mengikuti kursus SME Corp selama dua minggu, banyak selok-belok per-

niagaan dipelajari, yang menguatkan lagi semangat saya untuk menceburi bidang perniagaan setelah lama bekerja dalam bidang perakaunan sebelum ini.

"Paling istimewa, tiada istilah pilih kasih oleh SME Corp kerana turut memberi peluang kepada saya berniaga walaupun tidak mempunyai fizikal seperti orang normal lain," katanya.

Buat permulaan, Shaidatul hanya membuka bangsal menanam cendawan di belakang rumahnya dekat Batu Buruk, Kuala Terengganu, memandangkan tanah yang ingin disewa sebelum itu memerlukan kos yang tinggi untuk kerja-kerja tanah.

"Namun berpegang prinsip memulakan perniagaan dengan apa sahaja yang ada,

saya mula menjual cendawan dari mentor dan mendapat keuntungan bersih daripada RM600 hingga RM700 sebulan.

"Saya akan mula menanam cendawan tiram sendiri dua minggu lagi dan dijangka hasilnya boleh dituai pada Mei depan," katanya yang mendapat kursus berkaitan perikanan cendawan tiram dari Jabatan Pertanian dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam). Sementara itu, Pengarah SME Corp Terengganu, Muhammad Ibrahim berkata, pihaknya akan terus memantau perkembangan perniagaan Shaidatul dan bimbingan daripada kaunselor perniagaan SME Corp selama setahun.

"Ini penting untuk terus membantunya

dari pada aspek pemasaran, pengurusan perniagaan dan akaun syarikat agar semuanya berjalan lancar dan dia (Shaidatul) wajar dicontohi belia lain agar terus merembut peluang perniagaan yang disediakan kerajaan di mana TUBE adalah antara platform yang tepat," katanya.

Kira-kira 90 peratus daripada 114 bekas peserta TUBE tahun lalu telah pun memulakan perniagaan masing-masing menerusi geran sebanyak RM1.7 juta.

Muhammad berkata, ini merupakan penerangan yang tinggi terhadap kesungguhan belia di Pantai Timur menceburi bidang keusahawanan, dan bimbingan dari jabatan dan agensi kerajaan akan dapat membantu mereka bergelar usahawan berjaya. Bernama

SINAR HARIAN 24/03/2015